

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 20 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 4**

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1531-L11156  
**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah manfaat yang akan diperolehi daripada tindakan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Batu Puteh yang diumumkan baru-baru ini.
  
2. PN-1531-L10926  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memperkasakan sektor pelancongan tempatan ke arah usaha menggalakkan pelancong untuk berterusan melancong ke dalam negara.
  
3. PN-1531-L10706  
**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan jangka masa panjang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menangani masalah sosial seperti 'Mini Dhaka' yang sering muncul selepas operasi penangkapan warga asing tanpa izin dilakukan.
  
4. PN-1531-L11000  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kerja-kerja persediaan yang diambil untuk pelaksanaan sistem e-invois pada 1 Ogos 2024.

5. PN-1531-L11119  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sebab-sebab eksport negara turun pada tahun 2023 sedangkan nilai ringgit telah turun ke paras yang terendah dalam tempoh yang sama.
6. PN-1531-L11051  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah koperasi di Negeri Melaka dan bagaimana Kerajaan menggandakan penyertaan belia menyertai koperasi sebagai sumber pendapatan alternatif pada masa kini.
7. PN-1531-L11183  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian berkenaan jumlah penalti dan hasil bukan cukai yang berjaya diperoleh oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) daripada langkah-langkah yang diambil LHDN untuk mendapatkan kembali cukai dan hasil yang gagal dikutip antaranya melalui Program Pengakuan Sukarela atau kaedah-kaedah lain sepanjang tahun 2022 dan 2023.
8. PN-1531-L10630  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-
  - (a) apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan kembali harga sawit yang semakin menurun dan insentif-insentif yang diberi kepada peladang-peladang kecil yang terkesan akibat penurunan harga tersebut; dan
  - (b) usaha-usaha yang diambil untuk membantu pekebun-pekebun kecil bagi mempelbagaikan tanaman alternatif bagi mengelakkan kebergantungan kepada sawit.
9. PN-1531-L11042  
**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mengambil perhatian tentang masalah tunggakan gaji kelab bola sepak profesional yang seolah-olah tidak diendahkan oleh pihak Malaysian Football League (MFL) menerusi saluran perundangan yang berkaitan.

10. PN-1531-L10675  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian melihat peranan Konsulat Malaysia dalam menyediakan bantuan serta perlindungan kepada warganegara Malaysia di luar negara, terutamanya dalam situasi darurat atau konflik yang melibatkan rakyat Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperjuangkan hak dan kepentingan warga Malaysia yang berada di luar negara.
11. PN-1531-L11104  
**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam usaha menjaga kepentingan dan kebebasan media di Malaysia merangkumi media cetak, media elektronik dan media sosial.
12. PN-1531-L10832  
**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan terhadap Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) mengkategorikan data secara umum dan tidak menggambarkan situasi sebenar pasaran hartanah sesebuah negeri sehingga boleh cetus kebimbangan para pelabur.
13. PN-1531-L11175  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan insentif Kerajaan untuk membantu usahawan atau syarikat Malaysia meningkatkan kebolehpasaran produk tempatan di peringkat antarabangsa susulan pemboikotan produk Israel dan pro-Israel.
14. PN-1531-L11227  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah banduan yang akan menjalani hukuman gantung sampai mati serta berapakah jumlah banduan yang dilepaskan daripada hukuman tersebut selepas pindaan undang-undang dibuat.
15. PN-1531-L11320  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah menstabilkan ekosistem getah yang dikuasai oleh Pertubuhan Getah Antarabangsa melalui stok penggunaan stok penimbal.

16. PN-1531-L10645  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memantau dan menguat kuasa hantaran-hantaran yang menimbulkan kebencian antara kaum dan usaha menggugat kestabilan negara.
17. PN-1531-L10858  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah perancangan jangka panjang, sederhana dan pendek bagi mengatasi masalah harga barang keperluan yang meningkat di seluruh Malaysia khususnya Sabah dan Sarawak.
18. PN-1531-L11291  
**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil setelah menyedari apa yang dipaparkan dalam filem 'Maryam Pagi ke Malam' yang telah mendapat dana daripada pihak Kerajaan adalah bertentangan dengan apa yang berlaku di Malaysia.
19. PN-1531-L10912  
**Senator Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan kadar penggunaan kereta elektrik, khususnya dari segi peningkatan rangkaian stesen mengecas kereta elektrik dalam negara dan juga penukaran kenderaan jabatan Kerajaan kepada kereta elektrik sebagai satu langkah kepimpinan melalui teladan.
20. PN-1531-L11428  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil berhubung prestasi pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa melalui penilaian Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) yang semakin merudum serta langkah bagi mengatasi isu lambakan lepasan SPM yang tidak mahu menyambung pengajian ke peringkat universiti.
21. PN-1531-L11385  
**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Malaysia terhadap tindakan *United Nations High Commissioner of Refugees* (UNHCR) terus memberikan pas kepada warga asing yang akhirnya mereka ini terlibat dalam kes-kes jenayah dan adakah UNHCR akan bertanggungjawab.

22. PN-1531-L10854

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah perancangan terkini pihak Kementerian dalam mengukuhkan semula keharmonian masyarakat yang dilihat semakin diancam dengan provokasi perkauman dan agama sejak kebelakangan ini.

23. PN-1531-L10781

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan luar jangka (*contingency plan*) Kerajaan dalam mengatasi kemerosotan nilai Ringgit Malaysia yang semakin lemah sejak kebelakangan ini.

24. PN-1531-L11312

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kewajaran Kerajaan yang berhasrat memansuhkan skim berpencen kepada lantikan penjawat awam baharu serta keperluan lantikan kontrak secara interim bagi lantikan penjawat awam baharu.

25. PN-1531-L10802

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah kerjasama penyelidikan dan kajian dilakukan antara pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) sebelum membina jalan-jalan baru bagi mengurangkan kadar kemalangan disebabkan faktor kawasan jalan yang berbahaya dan tidak sesuai.

26. PN-1531-L10935

**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah Kementerian akan menoktahkan kemiskinan tegar pada tahun 2024? Hal ini kerana, Yang Berhormat Perdana Menteri berharap untuk menoktahkan kemiskinan tegar pada tahun 2023 namun adakah matlamat tersebut dicapai.

27. PN-1531-L11357

**Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan kualiti graduan dalam sektor berteknologi tinggi bagi mengelakkan keperluan untuk mengambil graduan asing bekerja pada masa hadapan.

28. PN-1531-L10986  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah mekanisme Kementerian untuk memperkasa kebolehlaksanaan TVET dalam kalangan komuniti bagi meningkatkan tahap sosioekonomi mereka.
29. PN-1531-L11011  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan penubuhan jawatankuasa peringkat tertinggi dalam menangani isu doktor kontrak sekali gus menggariskan pelan tindakan untuk menyelesaikan perkara tersebut.
30. PN-1531-L11347  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kenapakah masalah bekalan dan harga beras masih belum dapat diselesaikan secara tuntas.
31. PN-1531-L11072  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan daftar bilangan kes salah laku yang telah diambil perhatian serta siasatan oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) serta jaminan Kerajaan dalam isu integriti anggota dan pegawai polis yang mesti bebas dari kelakuan jenayah dan aktiviti rasuah.
32. PN-1531-L11212  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Bersaiz Sederhana (MSC) Bumiputera yang telah menerima manfaat daripada Skim Jaminan Kerajaan MADANI (GGSM).
33. PN-1531-L11057  
**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan manfaat jangka panjang yang berupaya dijana oleh sektor pengangkutan tempatan menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dengan *China Automotive Engineering Research Institute Co. Ltd.*

34. PN-1531-L10635

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) apakah usaha-usaha yang telah dirangka oleh Kementerian untuk menyemarakkan peranan Rukun Tetangga (RT); dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk menambah bilangan RT serta memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan semua lapisan masyarakat.

35. PN-1531-L10685

**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah status terkini terhadap usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah pembuangan sisa elektrik dan elektronik (*e-waste*) dan sisa buangan pepejal yang tidak boleh dikitar semula bagi memastikan sisa pepejal negara diuruskan dengan baik dan mengurangkan pencemaran plastik selain memastikan Malaysia tidak menjadi 'tong sampah' bagi sisa plastik dari negara maju.

36. PN-1531-L10886

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan Akta Kredit Pengguna, dan sejauh manakah akta tersebut mampu memberi bantuan kewangan tanpa menekan rakyat memandangkan kadar faedah pinjaman kredit komuniti adalah sebanyak 12 peratus bagi pinjaman bercagar dan 18 peratus bagi pinjaman tidak bercagar yang jelas amat tinggi dan boleh menekan pengguna.

37. PN-1531-L11137

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha yang sedang dilakukan untuk memastikan penyertaan wanita dalam politik adalah sekurang-kurangnya 30% seperti mana yang disyorkan oleh *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* dan adakah Kerajaan mempertimbangkan pengenalan Undang-undang kuota minima calon-calon wanita bagi pilihan raya seperti mana diamalkan sesetengah negara luar, contohnya Mexico.

38. PN-1531-L10821

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah perancangan dan langkah-langkah Kementerian yang diambil untuk mengurangkan dan menghapuskan penggunaan isu perkauman, agama dan kewilayahan sebagai alat atau perkakas mendapat sokongan politik.

39. PN-1531-L10934

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian dengan cadangan segelintir ibu bapa agar Majlis Graduasi dimansuhkan terus dan tidak dibenarkan untuk dilaksanakan oleh pihak sekolah memandangkan perkara tersebut memberi beban kewangan kepada ibu bapa dan menambahkan beban kerja kepada guru-guru sekolah.

40. PN-1531-L10773

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) faktor kelewatan pembayaran biasiswa kepada pelajar-pelajar Orang Asli di Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta serta apakah usaha Kementerian dalam mengatasi perkara ini supaya tidak berulang lagi; dan
- (b) apakah inisiatif Kementerian bagi mempermudah dan mempercepatkan lagi penyaluran biasiswa kepada pelajar Orang Asli.

41. PN-1531-L11082

**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah mitigasi yang diambil oleh Kerajaan dalam menstabilkan ekonomi ekoran kejatuhan nilai mata wang ringgit yang semakin membimbangkan.

42. PN-1531-L11264

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebarang usaha untuk meneliti semula bilangan anggota Senator mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) yang tertakluk kepada peruntukan di bawah Perkara 45(4)(c) Perlembagaan Persekutuan.

43. PN-1531-L10879

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian akan membuka permohonan bagi perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan serta apakah syarat-syarat kelayakan bagi permohonan tersebut.

44. PN-1531-L10955

**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah progresif *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE) yang telah dibangunkan melalui Pelan Tindakan Perdagangan Nasional (2021-2025) untuk meningkatkan daya saing perdagangan negara di peringkat antarabangsa.

45. PN-1531-L11343  
**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan awam mengikut gred antara tahun 2010 hingga 2023 dan tiga bulan pertama tahun 2024.
46. PN-1531-L11143  
**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan usaha yang sedang dilakukan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam memastikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan usahawan bumiputera tidak terjejas dan bersedia untuk sebarang perubahan yang akan dibawa oleh perundangan berkaitan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan kemampanan (sustainability).
47. PN-1531-L11302  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kesan kepada industri pelancongan domestik dengan kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan.
48. PN-1531-L11105  
**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi yang telah atau akan diperkenalkan oleh Kementerian untuk menggalakkan dan memfasilitakan kerjasama antara universiti-universiti awam sesama sendiri dan bersama swasta di Malaysia agar menggabungkan sumber daya mereka, baik dari segi kemudahan, akademik, penyelidikan dan teknologi.
49. PN-1531-L11417  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan dasar gaji progresif bagi mereformasikan pasaran buruh dengan matlamat untuk meningkatkan gaji pekerja selari dengan peningkatan produktiviti di samping memberi keadilan sosial kepada pekerja swasta.
50. PN-1531-L10753  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebabnya Program Geran Perusahaan Sosial (SE) kepada badan bukan kerajaan belia dalam bidang keusahawanan tidak diteruskan atau diluaskan dalam rangka untuk membentuk golongan usahawan dalam kalangan belia di negara ini.

51. PN-1531-L11020  
**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah mengenal pasti lokasi titik panas kebakaran terbuka di seluruh negara dan apakah penambahbaikan terhadap prosedur sedia ada oleh Kementerian bagi menangani isu pembakaran secara terbuka ini.
52. PN-1531-L10837  
**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah kawasan luar bandar masih dibelenggu dengan capaian internet yang lemah memandangkan ada laporan dari Utusan Malaysia pada 25 Februari 2024 mengatakan para guru terpaksa bangun 3 pagi untuk memasukkan data Sistem Pengurusan IDentiti (idME) kerana isu internet yang lemah .
53. PN-1531-L11205  
**Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kanak-kanak yang menghadapi penyakit *down syndrome*, *austime* dan *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*.
54. PN-1531-L11397  
**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan resolusi yang telah disepakati dalam Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 dan bagaimanakah kebersamaan kaum-kaum lain yang turut menyertai kongres tersebut dapat membangunkan dasar nasional yang berimpak tinggi selaras dengan hasrat Kerajaan Perpaduan untuk membasmi kemiskinan tegar.
55. PN-1531-L10954  
**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan pelan tindakan Kementerian dalam menyalurkan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) kepada kaum India bagi tahun 2024 dan apakah matlamat utama yang ingin dicapai melalui pelan ini.
56. PN-1531-L10807  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam pembinaan jalan persekutuan yang dapat menghubungkan Malaysia (Sarawak) dengan Kalimantan melalui Kompleks Imigresen, Kastam dan Keselamatan (ICQS) yang baru di Tapak Megah, Belaga, Sarawak dan bilakah ia dimulakan.

57. PN-1531-L10791

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah program MADANI RAKYAT hanya '*one off roadshow*' atau akan dijadikan sebagai program secara berkala setiap bulan sepanjang tahun.

58. PN-1531-L11031

**Senator Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status kemiskinan tegar di kalangan masyarakat Orang Asli di negara ini setelah pihak Kerajaan bertekad untuk menoktahkan kemiskinan tegar negara pada tahun 2023.

59. PN-1531-L10731

**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah status terkini penempatan rangkaian 5G di negara ini khususnya di negeri Perlis dan apakah cabaran yang telah dikenal pasti dalam penggunaan rangkaian 5G ini.

60. PN-1531-L11369

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan segala projek *carbon capture and storage (CCS)* di pesisir laut Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dapat dilakukan tanpa halangan daripada mana-mana pihak.

61. PN-1531-L10726

**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan pekerja industri ekonomi gig mendapatkan pekerjaan yang lebih tetap dan stabil terutamanya apabila terdapat beberapa syarikat yang menurunkan kadar upah sehingga menyebabkan ramai yang terkesan.

62. PN-1531-L11255

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk meneliti semula geran per kapita yang disalurkan kepada negeri-negeri dengan mengambil kira peningkatan kos sara diri dan kadar inflasi semasa, memandangkan kali terakhir pindaan terhadapnya adalah pada tahun 2002.

63. PN-1531-L10743

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menangani isu campur tangan politik dalam usaha antirasuah.

64. PN-1531-L10665  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah keuntungan Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan terjejas jika negara sentiasa fokus terhadap program peralihan tenaga dari konvensional ke tenaga boleh baharu.
65. PN-1531-L11223  
**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah denda yang telah dikeluarkan bagi penjualan produk kesihatan yang tidak berdaftar iaitu penyedut hidung atau *energy stick* yang mengancam kesihatan awam.
66. PN-1531-L11093  
**Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan dan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan hasil pengeluaran tanaman negara tidak terganggu berikutan cuaca panas akibat fenomena El Nino.
67. PN-1531-L10843  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan dalam menjamin bahawa pelajar tajaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ini akan kembali berkhidmat dalam perkhidmatan awam untuk meningkatkan kepakaran dan kualiti perkhidmatan.
68. PN-1531-L10868  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah keselamatan yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi menjamin keselamatan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) daripada ancaman penggodaman dan kecurian data.
69. PN-1531-L11275  
**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi kejatuhan nilai ringgit berbanding mata wang utama dunia dan apakah kesannya ke atas ekonomi negara.

70. PN-1531-L11194

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan rancangan Kerajaan dalam membantu vendor Bumiputera tempatan dalam sektor perkayuan untuk menjadi vendor di peringkat global seperti pengubahsuaian beberapa hotel di Dubai dan penganjuran Acara Olimpik di Paris 2024 dan Milan 2026.

71. PN-1531-L10700

**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan baharu dalam memperkukuhkan undang-undang angkasa lepas Malaysia dan sejauh manakah Kementerian bekerjasama dengan agensi lain seperti Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dalam proses pengubalan undang-undang angkasa lepas.

72. PN-1531-L11334

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan rakyat asing secara besar-besaran mengikut negara di bawah agensi penguatkuasa Kementerian ini sejak Disember 2023 di seluruh negara dan adakah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 telah gagal mencapai matlamatnya.

73. PN-1531-L10903

**Senator Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) mengapakah latihan parallel Pembedahan Kardiorasik kini tidak lagi diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia; dan
- (b) berapa jumlah pelatih yang telah menyertai program latihan yang menghadapi isu untuk diiktiraf sebagai Pakar Bedah Kardiorasik serta berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan untuk mereka.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah  
(19 Mac 2024)**

- |    |                 |                                                                          |                                     |
|----|-----------------|--------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|
| 2. | ( D.R.40/2023 ) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 | <b>Bacaan Kali Kedua dan Ketiga</b> |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>                                               |                                     |
| 3. | ( D.R.28/2023 ) | Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023                  | <b>Bacaan Kali Kedua Dan Ketiga</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air ]</b>                 |                                     |
| 4. | ( D.R.29/2023 ) | Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023                       | <b>Bacaan Kali Kedua Dan Ketiga</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Peralihan Tenaga Dan Tansformasi Air ]</b>                  |                                     |
| 5. | *( D.R.4/2024 ) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024                       | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b>      |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>                                              |                                     |

6. \*( D.R.5/2024 ) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
(Penguntukan Semula Peruntukan **Kedua di DR**  
Perbelanjaan) 2024
- [ Menteri Kewangan ]**
7. \*( D.R.1/2024 ) Rang Undang-undang Perniagaan **Bacaan Kali**  
Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 **Kedua di**  
**DR**
- [ Menteri Kewangan ]**
8. \*( D.R.3/2024 ) Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut **Bacaan Kali**  
(Pindaan) 2024 **Kedua di**  
**DR**
- [ Menteri Kewangan ]**
9. \*( D.R.41/2023 ) Rang Undang-undang Kekebalan Bidang **Bacaan Kali**  
Kuasa Negara Asing 2023 **Kedua di**  
**DR**
- [ Perdana Menteri ]**
10. \*( D.R.38/2023 ) Rang Undang-undang Bantuan Bersama **Bacaan Kali**  
dalam Perkara Jenayah(Pindaan) 2023 **Kedua di**  
**DR**
- [ Perdana Menteri ]**
11. \*( D.R.39/2023 ) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej **Bacaan Kali**  
Universiti (Pindaan) 2023 **Kedua di**  
**DR**
- [ Menteri Pendidikan Tinggi ]**
12. \*( D.R.35/2023 ) Rang Undang-undang Kualiti Alam **Bacaan Kali**  
Sekeliling (Pindaan) 2023 **Kedua di**  
**DR**
- [ Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam ]**

13. \*( D.R.37/2023 ) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Kerja Raya ]**
14. \*( D.R.2/2024 ) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam ]**
15. \*( D.R.6/2024 ) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Dalam Negeri ]**
16. \*( D.R.7/2024 ) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhadap (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama di DR**
- [ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup ]**

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.